

# Pasukan kompong SK Pantai diharap jadi sumber inspirasi

Oleh **ADRIAN NANDU**

adriannandu@gmail.com

UB 15-06-2012 A7

LABUAN: Sekolah Kebangsaan (SK) Pantai hanya berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan kompong dan formasi peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang dianjurkan oleh SK Pekan Satu, baru-baru ini.

Guru Besar SK Pantai, Jumat Latip berkata, kumpulan kompong SK Pantai yang dinamakan sebagai 'Shoutul Hadhari' telah ditubuhkan pada 2008.

"Sejak penubuhannya pada

tahun 2008 sehinggalah tahun 2010, kumpulan 'Shoutul Hadhari' selalu mendapat tempat kedua dalam pertandingan kompong anjuran Jabatan Pelajaran Labuan.

"Pada tahun ini juga SK Pantai juga mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Kompong Terbuka Anjuran Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan.

"Sementara pada awal tahun pula, pasukan kompong SK Pantai telah mendapat johan dalam pertandingan kompong anjuran Puteri Umno Bahagian Labuan dan Kolej Matrikulasi

Labuan," katanya.

Sehubungan itu, Jumat berharap pasukan kompong ini akan menjadi inspirasi kepada

murid di SK Pantai untuk berjaya.

Pertandingan kompong anjuran SK Pekan Satu itu dijuarai

oleh SK Sungai Bedaun.

Manakala, tempat kedua dimenangi oleh SK Pekan Satu.



**PASUKAN** kompong SK Pantai bergambar bersama dengan pihak pentadbir dan guru sekolah berkenaan.